

SOALAN NO.: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]
TARIKH : 17 JUN 2014
SOALAN :**

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian merancang atau bercadang untuk membina hospital baru di Bandar Kuantan sebagai Hospital Negeri bagi Pahang memandangkan Hospital yang ada sekarang terlalu sesak dan padat.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mengkaji cadangan untuk membina sebuah hospital baru sebagai tambahan kepada hospital sedia ada iaitu Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Lokasi tapak untuk cadangan ini adalah di Tanjung Lumpur yang mana pada masa ini di dalam proses penilaian teknikal.

Cadangan projek ini adalah untuk menampung keperluan infrastruktur sebahagian daripada perkhidmatan kepakaran di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan yang sedia ada. Justeru itu secara tidak langsung masalah kesesakan di hospital ini dapat dikurangkan.

NO. SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 17 JUN 2014

RUJUKAN : 6893

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan polis dan tindakan yang di ambil terhadap Seminar Kalimah Allah Dan Kristologi Nusantara yang di anjurkan oleh UiTM Shah Alam pada 6/5/2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua

Berhubung pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor, PDRM telah menerima enam (6) laporan polis yang dibuat oleh individu masing-masing empat (4) di Sarawak dan dua (2) di Selangor yang menyelar penganjuran Seminar Kalimah Allah Dan Kristologi Nusantara oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam pada 6 Mei 2014 yang lalu. Di dalam laporan Polis tersebut mereka telah meminta pihak berkuasa mengambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 terhadap penganjur seminar tersebut.

Lanjutan daripada itu, kertas siasatan telah dibuka pada 9 Mei 2014 rentetan daripada dua (2) laporan polis yang dibuat di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam, Selangor. Kes telah disiasat di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu menyebut perkataan dan sebagainya dengan sengaja berniat hendak melukakan agama seseorang. Walaubagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan hasil siasatan secara terperinci kerana perkara ini masih di dalam siasatan pihak Polis.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan memandang serius terhadap sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana kumpulan atau pertubuhan atau hasil mana-mana seminar/forum yang mengeluarkan kenyataan yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama di negara ini. Oleh itu, kita hendaklah mengelak daripada sebarang tindakan yang menyentuh isu yang sensitif ini.